



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PERKUKUH INSTITUSI KELUARGA MELALUI KAJIAN LELAKI BUDIMAN NEGARA DAN JARINGAN STRATEGIK PEMERKASAAN LELAKI

PUTRAJAYA, 2 JULAI 2026 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan terus memperkukuh institusi keluarga menerusi pelaksanaan agenda pemeraksanaan lelaki sebagai agen perubahan dalam masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri** ketika merasmikan **Forum Konsultatif Pemeraksanaan Lelaki** berkata, pemeraksanaan lelaki perlu dilihat dalam kerangka yang lebih menyeluruh, bukan sekadar dari aspek kepimpinan atau ekonomi, tetapi merangkumi kekuatan jiwa, kestabilan emosi, kematangan pemikiran serta keupayaan memikul amanah dengan penuh tanggungjawab. Dalam usaha ini, **KASIH** iaitu **Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu serta Harmoni** perlu menjadikan asas pembentukan lelaki Budiman dalam masyarakat MADANI.

“Lelaki budiman bukanlah lelaki yang mendominasi, sebaliknya lelaki yang memimpin dengan hikmah, berkongsi tanggungjawab dan menghormati wanita sebagai rakan kongsi dalam membina keluarga.” jelas beliau lagi.

Forum Konsultatif Pemeraksanaan Lelaki yang berlangsung selama dua hari menghimpunkan wakil kementerian, agensi kerajaan, institusi akademik, badan bukan kerajaan (NGO), pakar serta pemegang taruh daripada pelbagai sektor bagi membincangkan isu, cabaran dan penyelesaian berkaitan pembangunan lelaki di Malaysia.

Dapatan forum ini akan menjadi input penting kepada pembinaan dasar dan program berasaskan bukti (*evidence-based*) serta memperkukuh pelaksanaan Kajian Lelaki Budiman Negara di bawah RMK13. Kajian ini bertujuan membangunkan **Model, Kerangka**

dan Mekanisme Pelaksanaan Agenda Lelaki Budiman Negara sebagai rujukan nasional dalam melahirkan lelaki yang berakhlak mulia, berintegriti, bertanggungjawab, berdaya tahan dan berkeupayaan memimpin dengan hikmah.

Pada majlis yang sama, Dato' Sri Hajah Nancy turut melancarkan Jaringan Pemerkasaan Lelaki atau ***Men Empowerment Network (MEN)*** sebagai platform kolaborasi strategik nasional yang menyelaraskan pelbagai kepakaran dan sumber bagi memperkukuh penyelidikan, pembangunan dasar, perkongsian amalan terbaik serta pelaksanaan program intervensi secara bersepadu serta menyokong pelaksanaan Kajian Lelaki Budiman Negara. Sehingga kini, lebih 20 NGO dengan kepakaran program kebapaan dan pembangunan remaja lelaki telah melibatkan diri sebagai rakan strategik MEN bersama LPPKN.

Turut hadir YBhg. Dato' Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM; YBhg. Datin Safida Zalma binti Mohd Piah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM; Encik Mohd Daud Mohd Arif, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPWKM; YBhg. Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim, Pengerusi LPPKN; YBhg. Dato' Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN; wakil kementerian, agensi kerajaan, institusi akademik dan badan bukan kerajaan serta pemegang taruh berkaitan.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
2 JULAI 2026**